

BAB 2

Kajian-kajian Lepas dan Sejarah Perkembangan Sektor Perladangan Sebelum dan Selepas Kemerdekaan.

2.0 Pengenalan

Setiap pembangunan harus melibatkan dua aspek iaitu pembangunan fizikal dan pemikiran. Melalui kombinasi proses-proses sosial, ekonomi dan institusi, masyarakat dapat memahami erti kehidupan yang sebenarnya. Namun begitu, pembangunan dalam masyarakat mesti meliputi tiga aspek berikut (W Arthur Lewis, 1963: 420):

1. Menambahkan dan memperluaskan lagi agihan keperluan-keperluan asas seperti makanan, perumahan, kesihatan dan perlindungan untuk mengekalkan taraf hidup.
2. Meninggikan taraf hidup dengan meninggikan pendapatan, memperluaskan peluang-peluang pekerjaan, taraf pendidikan yang lebih baik dan menumpukan pada nilai-nilai kemanusian dan kebudayaan yang mana kesemuanya bukan sahaja akan menambahkan lagi kekayaan yang ada, malahan akan dapat mewujudkan individu yang lebih baik dan akan mewujudkan penghargaan nasional .
3. Untuk memperluaskan lagi pilihan-pilihan individu dan masyarakat segi ekonomi dan sosial dengan membebaskan mereka daripada bergantung kepada orang lain dan perhambaan, bukan sahaja bagi soal-soal yang melibatkan masyarakat, dan negera lain, tetapi juga bebas daripada kuasa-kuasa yang menindas dan menekan manusia. Jadi pembangunan itu, adalah merujuk kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat atau penduduk yang terlibat .

Oleh itu adalah perlu untuk kita menilai pembangunan sosio-ekonomi pekerja ladang sejak zaman penjajahan untuk mengaitkan aspek kehidupan sosio-ekonomi dan pemikiran mereka yang masih ketinggalan. Pemahaman yang lebih terhadap sejarah perkembangan tenaga pekerja ladang dapat menggambarkan kebolehan dan kesedian pekerja menerima kedaan yang serba kekurangan ini. Oleh itu, dalam bab ini pengkaji akan melihat kajian-kajian lepas dan keadaan masyarakat ladang sebelum dan selepas kemerdekaan untuk melihat dan memahami kemiskinan yang dialami oleh pekerja ladang.

2.1. Kajian-kajian lepas

Sungguhpun, negara ini telah merdeka selama 47 tahun, namun masalah kemiskinan khususnya kemiskinan luar bandar, masih merupakan satu masalah utama negara. Perbincangan tentang masalah kemunduran penderitaan penduduk luar bandar di negara ini memang sudah lama menarik minat para pengkaji dan penggubal dasar. Malahan keadaan hidup petani serta masalah kemiskinan mereka, muncul sebagai tajuk kajian tentang masalah penduduk luar bandar di negara ini sejak penghujung tahun 1930an. Namun kajian tentang masalah kemiskinan di kalangan pengkaji tempatan telah bermula selepas merdeka. Pada tahun 1950an dan 60an, kajian-kajian tentang masalah kemunduran dan kemiskinan masyarakat luar bandar sering sahaja menekankan faktor sikap dan pandangan hidup masyarakat dan faktor kekurangan modal, teknologi, kepakaran, serta institusi moden (Ishak Shari 1988:4). Tetapi pada tahun 1970an, semakin ramai pengkaji telah mengkaji semula mengenai fenomena kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar secara kritis.

Dalam hal ini, Ungku A. Aziz, Syed Husin Ali (1983), Ishak Shari (1988) dan Chamhuri Siwar(1992) boleh dianggap sebagai penyumbang utama dalam pengkajian masyarakat luar bandar di Semenanjung Malaysia. Ishak Shari (1988) telah menghasilkan

satu penulisan penting tentang pembangunan dan kemunduran masyarakat nelayan-tani di Kelantan manakala Chamhuri Siwar (1992) menulis tentang beberapa isu kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar serta implikasi dasar kemiskinan di negara kita. Tulisan-tulisan mereka telah menjadi panduan dan asas kepada pengkaji termpatan yang baru dan penggubal dasar. Namun apabila di bincangkan tentang isu kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar, maka sektor perladangan juga tidak dapat diketepikan dalam perbincangan ini. Fenomena kemiskinan di sektor perladangan merupakan isu asas yang tidak terasing lagi di Malaysia walaupun ia merupakan penyumbang utama kepada pendapatan negara.

Kajian-kajian mengenai sektor perladangan di Malaysia sememangnya telah banyak dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan seperti FRIM,RISDA, dan MARDI, namun tidak ada banyak inisiatif kajian yang dijalankan bagi mengkaji masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang khususnya penoreh-penoreh getah. Adalah sangat menyedihkan bahawa aspek kebijakan pekerja tidak banyak dilihat dalam banyak kajian tetapi yang lebih diutamakan ialah hasil pokok getah, penyelidikan dan keuntungan yang bakal diperolehi. Walau bagaimanapun beberapa institusi kerajaan seperti SERU dan pengkaji tempatan telah cuba mengkaji kemiskinan pekerja-pekerja buruh ladang di Semenanjung Malaysia dalam pelbagai dimensi.

SERU (1981:15-16) dalam kajiannya mengenai “sosio economic study of rubber estate workers” mengatakan bahawa pendapatan purata bulanan keluarga ialah sebanyak RM 302.00 berbanding dengan perbelanjaan tunai purata bulanan sebanyak RM 299.00.

Ini memberi implikasi bahawa pekerja-pekerja ini membelanjakan seberapa banyak daripada gaji mereka. Perbelanjaan pada makanan meliputi 72 peratus dari jumlah

pendapatan. Di tambah pula dengan item perbelanjaan asas yang lain seperti pakaian, pengangkutan, perubatan dan pelajaran menjadikan jumlah perbelanjaan sebanyak 97 peratus daripada jumlah pendapatan. Pemilikan barang-barang seperti televisyen, mesin jahit dan sebagainya didapati kurang lengkap berbanding dengan penduduk luar Bandar.

Dari segi saiz keluarga pula pekerja estet mempunyai saiz keluarga yang besar dengan purata bilangan ahli sebanyak 6.2 orang berbanding dengan 5.4 orang bagi nasional.

Menurut kajian tersebut pekerja-pekerja estet pada amnya mempunyai taraf pelajaran yang agak rendah dimana sebanyak 19.3 peratus pekerja adalah tidak menerima sebarang pekerjaan formal. Sementara itu, pencapaian taraf pelajaran anak-anak mereka juga adalah rendah dimana sebanyak 15.5 peratus responden sahaja mempunyai anak-anak yang berpendidikan sehingga tingkatan lima (SPM).

Dari segi aspek keadaan tempat tinggal pula didapati bahawa hampir kesemua responden tinggal di unit rumah yang disediakan oleh majikan dimana kebanyakan unit rumah mempunyai dua bilik tidur. Keluasan lantai unit rumah yang disediakan oleh majikan tersebut adalah berluas sebanyak 307.65 kaki persegi pada puratanya. Sebanyak 89 peratus dari pekerja estet pula telah disediakan air paip berbanding dengan hanya 61 peratus bagi seluruh negara.

Disamping itu, estet yang dimiliki oleh pihak luar negeri dan MAPA (Malaysian Agriculture Producers Association) mempunyai kemudahan air paip dan elektrik yang lebih baik berbanding dengan estet bukan MAPA. Menurut kajian tersebut, sebanyak 63.7 peratus pekerja estet telah mendapat kemudahan bekalan elektrik. Bagi kemudahan-kemudahan lain seperti balairaya, kemudahan agama, kedai runcit dan sebagainya juga adalah lengkap

bagi estet luar negeri dan estet MAPA berbanding dengan estet bukan MAPA dan estet kecil.

Secara kesimpulannya kajian SERU telah mengklasifikasikan pekerja-pekerja estet sebagai miskin dari aspek sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan sektor lain. Fenomena ini adalah disebabkan oleh keadaan perumahan, taraf pelajaran, kelengkapan alat-alat rumah serta aktiviti interaksi sosial yang tidak memuaskan. Pada umumnya, kemudahan-kemudahan adalah lebih sempurna di estet besar dan estet kumpulan MAPA.

Manakala menurut kajian yang dijalankan oleh Arul Chelvan pada tahun 1990 mengenai perbandingan taraf sosioekonomi penoreh-penoreh getah dibawah MAPA dan bukan MAPA pula bercanggah dengan pernyataan yang dikemukakan oleh kajian SERU pada tahun 1981. Menurut kajian tersebut, telah mendapati bahawa wujud lebih banyak persamaan antara ladang MAPA dan bukan MAPA. Menurut kajian tersebut perbezaanya hanya wujud dalam aspek struktur ladang dan pekerjaan sahaja. Secara kesimpulannya beliau mendapati taraf sosioekonomi masyarakat penoreh getah dibawa MAPA dan bukan MAPA adalah rendah di mana masalah ini dikaitkan dengan tiga faktor utama iaitu upah rendah, eksploitasi dan masalah persekitaran yang membantut pembangunan. Oleh itu jelaslah bahawa taraf hidup masyarakat pekerja estet menjadi semakin rosot mengikut peredaran masa dan bukannya mengalami peningkatan dalam taraf hidup mahupun dikalangan pekerja ladang yang dimiliki oleh MAPA ataupun bukan MAPA.

Sementara itu, Asmi Hassan (1987:131) dalam kajiannya mengenai kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah pula mengatakan bahawa ketidaksampaian atau kekurangan kemudahan asas dikampung tersebut menyebabkan tahap sosial yang rendah serta

mempengaruhi keadaan kemiskinan di kampung tersebut. Secara kesimpukannya, kekurangan kemudahan asas mendorong membesarakan kemiskinan di kampung tersebut.

Aspek tersebut juga telah ditekan oleh Lim Hock Hin (1988:75) dalam kajiannya mengenai sosioekonomi pekerja-pekerja ladang. Menurutnya infrastruktur dan kemudahan awam yang lengkap merupakan faktor penting bagi meningkatkan lagi taraf sosioekonomi pekerja-pekerja ladang ini. Kemudahan infrastuktur seperti kemudahan perumahan, bekalan elektrik dan air, kedai runcit, klinik, kelas tadika, tempat asuhan kanak-kanak, perkhidmataan bas sekolah serta lain-lain bentuk kemudahan sosial perlu diberi tumpuan dalam melihat kemiskinan dikalangan masyarakat ladang.

Mohammad Dahan Abdullah (1975) telah menjalankan satu kajian mengenai sosioekonomi pekerja-pekerja estate getah dan beliau mendapati bahawa kebanyakan pekerja ladang getah di ladang Kemuning Lebong Melaka merupakan golongan miskin. Menurut beliau faktor utama yang meningkatkan kemiskinan di kalangan mereka adalah di sebabkan oleh pendapatan yang rendah. Pendapatan yang rendah dengan tanggungan yang banyak menghalang mereka menikmati mobiliti sosial khasnya pendidikan. Dengan pendapatan yang sebanyak itu, tidak cukup untuk memberi makanan dan pakaian, apakah daya mereka untuk menyekolahkan anak-anaknya di luar estate.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Consumers Association of Penang (1990:16) telah menyatakan bahawa pendapatan masyarakat ladang Malaysia di dapati berkurangan dan ini menyebabkan kadar kemiskinan telah meningkat dari 35% (1980) kepada 54.6%(1983).

Kajian Chew (1988) pula menunjukkan 50.0% mempunyai responden daripada di Ganda Plantation, Teluk Intan mempunyai taraf pendidikan rendah. Malah hampir 25.0%

responden pula tidak menerima sebarang pemendidikan formal. Ini dikaitkan responden dengan taraf pendidikan yang rendah di mana 1/3 daripada jumlah responden adalah buta huruf. Beliau mengaitkan taraf pendidikan yang rendah ini dengan kemiskinan di mana mereka terpaksa bekerja sejak kecil untuk meringan beban keluarga mereka.

Sementara itu Rajan Karupiah dalam kajiannya mengenai kemiskinan luar bandar yang berfokus keatas pekerja ladang telah menyatakan bahawa keadaan hidup penduduk estet ini masih dalam keadaan berkurangan. Antara sebab utamanya adalah kekurangan pendapatan untuk menampung perbelanjaanya. Tambahan pula taraf kehidupan yang rendah dan saiz keluarga yang besar dengan jumlah pendapatan yang kecil telah menyebabkan mereka hidup dalam kemiskinan. Sebagai contohnya, didapati bahawa lebih daripada 85 peratus keluarga telah melibatkan kanak-kanak mereka dalam pekerjaan mereka. Tambahan pula kanak-kanak ini dibayar sebanyak RM 3.00 sehari yang mana merupakan tiga kali ganda kurang dari gaji harian orang dewasa.

Fakta tersebut telah diperkuuhkan lagi dengan kajian oleh “Malaysian Population Census Report” pada tahun 1980 iaitu dimana bancian tersebut telah menunjukkan bahawa lebih 43,000 kanak-kanak diantara 10-14 tahun bekerja di estet untuk keluarga mereka.

Di samping itu, Ramasamy (1984), pula melihat kemiskinan di kawasan perladangan sebagai satu masalah sosial yang serius di Malaysia. Struktur sosial yang wujud diladang ialah kelas pengurus, penyelia dan pekerja. Di dalam hierarki sosial sektor perladangan ini, kelas pekerja merupakan kumpulan yang menjadi mangsa penindasan. Menurut beliau ganjaran yang berbeza-beza diperolehi oleh ketiga-tiga kelas ini. Bagi kelas pengurus dan penyelia, majikan menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti rumah yang lengkap (mempunyai air, elektrik, perabot tilam-bantal), eluan pemeriksaan kesihatan,

elaun pelajaran anak dan sebagainya. Tetapi bagi kelas buruh, majikan hanya menyediakan keperluan-keperluan asas pada paras minima sahaja.

Seacara keseluruhan, kajian-kajian lepas yang dinyatakan di atas telah banyak membantu pengkaji memahami isu kemiskinan di sektor perladangan. Tambahan pula ia telah membantu pengkaji dalam menjalankan kajian tentang kemiskinan di kalangan pekerja ladang. Di dapat kajian-kajian lepas tersebut tidak jauh berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dan perbezaan yang ketara dapatlah dilihat dari aspek kawasan kajian sahaja.

2 .2 Perkembangan Sektor Perladangan Pada Zaman Penjajahan

Sektor perladangan yang wujud pada hari ini adalah merupakan warisan penjajahan British yang merupakan perintis dalam kewujudan sektor perladangan di Malaya. Pertumbuhan sektor perladangan pada zaman penjajahan telah bermula sejak 1890an iaitu kemunculan pekerja -pekerja ladang secara besar-besaran di malaysia bermula serentak dengan permulaan kegiatan menanam getah secara meluas pada tahun-tahun 1890an. Sebahagian besar dari pekerja-pekerja ladang ini terdiri dari petani-petani yang dibawa masuk dari kawasan selatan India . Oleh yang demikian, sejak dari awalnya lagi sebahagian besar pekerja-pekerja ladang di negara ini terdiri dari komuniti keturunan India.

Petani-petani dari selatan India ini menghadapi tekanan hidup, dan mereka datang ke Malaya secara bersendirian ataupun dibantu oleh agen-agen pengusaha ladang yang datang berpindah ke Malaysia (Malaya ketika itu) dan ramai di antara mereka terus tinggal menetap di negeri ini. Dengan pendapatan yang kecil, tetapi jauh lebih baik dari apa yang mereka mendapati di tanah air sendiri, mereka terus menawarkan diri sebagai pekerja-

pekerja ladang. Sebagai tambahan kepada upah tersebut, mereka disediakan tempat-tempat tinggal dan diberikan kemudahan-kemudahan air, letrik, perubatan dan pendidikan. Walaupun terdapat banyak kemudahan yang disediakan kepada pekerja ladang namun banyak kajian dan tulisan menyatakan bahawa kemudahan-kemudahan ini amat tidak memuaskan hati. Sebahagian besar dari pekerja-pekerja ladang itu, terutamanya di ladang-ladang getah yang terdapat di Semenanjung Malaysian kini adalah warisan dari golongan imigran tersebut. Perkembangan imigrasi buruh India telah berkembang dengan pesat dalam tahun 1905 hingga 1938 (Kohila Yanasekran 1998) dan keadaan ini jelas dilihat dalam jadual 2.1 iaitu ia menggambarkan pertambahan imigrasi buruh India dari tahun 1909 hingga 1913.

Jadual 2.1

Imigrasi Buruh India Dari Tahun 1909 hingga 1913

Tahun	Bilangan
1909	21,963
1910	60,347
1913	91,236

Sumber :M.Stenson, 1980:19.Dlm Latian Ilmiah Koliha Yanasekaran, 1998

Pembentukan sosial pekerja-pekerja ladang ini adalah begitu khusus bentuknya sehingga malahirkan suatu sub-budaya yang tersendiri dalam beberapa jenerasi. Pekerja-pekerja ladang (terutamanya dari kaum India) merupakan golongan proletariat yang tinggal terasing dari golongan penduduk yang lain sehingga mereka menjadi satu kelompok pekerja yang mempunyai cara hidup yang tersendiri. Walaupun bidang pekerjaan ladang

telah mula dibanjiri oleh kaum Melayu dan Cina, namun ciri-ciri sub-budaya yang tersendiri tersebut tidak mengalami banyak perubahan.

Seperti yang telah disebabkan oleh ramai pengkaji seperti Arul Chelvan [1990], Kohila Yanasekaran [1998], Kamaruddin M.Said [1998] dan Gunalan [1993], perkembangan perusahaan perladangan di Semenanjung Malaysia pada tahun-tahun 1980an dan selanjutnya adalah merupakan pengluasan kegiatan ekonomi pihak penjajah di kawasan tanah jajahan. Perkembangan ini menjadi pesat dengan galakan dari negara penjajahan sendiri. Dalam perkembangan perusahaan perladangan getah secara besar-besaran ini telah menyebabkan pemodal-pemodal Inggeris mempunyai kedudukan yang terpenting. Nama syarikat-syarikat ladang Inggeris seperti Guthrie, Boustead, Harisons & Crosfield, Sime Darly dan lain-lain menjadi begitu penting dalam perkembangan perusahaan perladangan getah (Kamaruddin M.Said, 1984:112). Ini menjelaskan bahawa perkembangan perusahaan ini sejak dari awalnya merupakan kegiatan pelaburan pemodal-pemodal metropolis yang mendapat galakan dan kerjasama sepenuhnya dari negara kolonial.

Tambahan pula, sektor perladangan ini mengalami kekurangan penyertaan tenaga buruh tempatan, kerana penduduk-penduduk tempatan tidak bersedia bekerja di ladang-ladang. Oleh itu pihak British telah membawa masuk tenaga buruh dari luar, terutamanya dari selatan India bagi mengatasi masalah di atas. Tambahan pula, pihak British menumpukan perhatian terhadap buruh di India kerana menurut Sir Frederick Well "*the Indians are a peaceable and easily governed race*" (Kohila Yanasekaran, 1998). Apabila tempoh perpindahan keluar dan masuk buruh-buruh dari selatan India ini telah reda dan sebilangan besar dari mereka mula tinggal menetap di negeri ini dan dengan itu suatu proses pemburuhan berlaku dengan pesatnya (Kamaruddin M.Said, 1984). Buruh India pada masa itu mengalami penderitaan dan kadar kemiskinan yang tinggi di India. Bagi

mereka peluang bekerja di Malaya pada masa itu secara perbandingan adalah satu peluang baik. Oleh itu, berlakunya imigrasi buruh India tang meluas di sektor perladangan demi memenuhi keperluan ekonomi dan politik pihak British. Maka buruh India adalah merupakan kumpulan buruh yang bekerja sebagai buruh ladang (Rujuk Jadual 2.2).

Jadual 2.2

Malaya : Populasi Buruh Ladang, 1938-1947

Buruh	1938	1941	1946	1947
India	214,323	209,871	137,027	221,240
Cina	57,897	61,257	51,651	87,434
Melayu	15,230	18,474	21,258	26,663
Jawa	8,699	10,215	8,680	18,638
Lain-lain	1,221	293	235	719
Jumlah	297,370	300,110	218,851	354,694

Sumber : Charles Gamba, 1962:256

2.2.1. Struktur Sosial Dalam Sistem Perladangan

Dari segi hubungan sosial dalam pengeluaran pada peringkat ladang pula,masyarakatnya terbagai kepada beberapa kumpulan utama. Kumpulan pertama ialah egen-egen pemodal iaitu pengurus-pengurus ladang yang biasanya terdiri dari orang inggeris.Biasanya pengurus ladang (orang kulit putih) dipanggil "tuan besar" di kalangan pekerja ladang dan menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan surat-menyerat dan pentadbiran. Ini di ikuti oleh tugas melawat kawasan ladang yang bermasalah terutamanya kawasan yang dilaporkan mempunyai pokok-pokok yang diserang penyakit.Tuan besar ini pula dibantu oleh seorang penolong pengurus yang dipanggil sebagai "tuan kecil".Hampir kesemua keputusan penting mengenai pentadbiran, kegiatan pengeluaran, memproses dan pemasaran dalam konteks ladang itu dibuat oleh tuan besar dan tuan kecil dikehendaki

membantu tugas-tugas tuan besar atas arahannya. Kumpulan kedua ialah kakitangan pengawasan (supervisory staff) yang terdiri daripada kangani dan mandor. Kumpulan ini adalah terdiri dari orang-orang Asia sendiri. Kumpulan yang terakhir yang juga merupakan kumpulan yang berada dibawah sekali dalam stratifikasi sosial ladang ini ialah penoreh-penoreh getah, dan buruh-buruh kasar pembersih ladang. Kumpulan yang terbesar ini juga terdiri dari orang-orang Asia (terutamanya India dan Melayu).

Pembahagian atau stratifikasi ini pada asasnya adalah berasaskan perbezaan dan susunan tugas dalam kegiatan pengeluaran ladang. Jarak sosial sentiasa wujud di kalangan kumpulan-kumpulan ini di mana anggota-anggota setiap kumpulan hanya bergaul dengan orang yang setaraf dengan mereka. Pengasingan tempat tinggal dilakukan sedemikian rupa sehingga kehidupan seharian ketiga-tiga kumpulan ini tidak memungkinkan pergaulan yang bebas.

Susunan tugas mereka juga menentukan susunan kuasa dan kuat kuasa serta aliran perintah dalam kehidupan masyarakat ladang. Kuasa tertinggi berada dalam tangan pengurus dan pembantunya yang membuat dan melaksanakan keputusan-keputusan penting. Kumpulan pengawas, kerani dan pembantu-pembantu kilang mempunyai bidang kuasa yang tertentu tetapi tertakluk kepada persetujuan pengurus. Kumpulan ketiga adalah terdiri daripada kaum pekerja atau buruh ladang yang tidak mempunyai sebarang kuasa dan dengan demikian harus patuh kepada setiap arahan yang dikeluarkan. Jika kumpulan ketiga ini menghadapi sebarang masalah, mereka harus mengemukakan masalah itu menurut saluran yang telah ditetapkan.

Susunan tugas dan kuasa pada peringkat ladang ini tidak mengalami perubahan yang besar sehingga kini. Perubahan yang telah berlaku lebih tertumpu kepada penglibatan kaum-kaum lain dalam susun lapis tugas dan kuasa itu. Kumpulan pengurusan kini tidak lagi dimonopoli oleh orang-orang kulit putih sahaja, tetapi rakyat tempatan telah mula

mengambil sebahagian dari tempat-tempat yang telah dikosongkan oleh orang kulit putih. Demikian juga dalam kumpulan pengawasan dan buruh kasar yang pada mulanya cuma kelihatan kaum-kaum India. Telah juga melibatkan orang Melayu dan Cina dalam kadar yang tidak begitu berat sebelah seperti sebelumnya.

Dalam konteks pembantu sosial ladang ini sistem hubungan perusahaan bermula dan berkembang. Boleh dikatakan bahawa tahap kedua perkembangan hubungan perusahaan di Malaysia iaitu selepas penguatkuasa udang-undang darurat dan pembubaran “General Labour Union” pada tahun 1946, penumpuannya lebih hebat dalam sektor perladangan. Kesatuan-kesatuan sekerja yang ditubuhkan dibawah undang-undang buruh dan kesatuan sekerja dalam era 1946 itu, sebahagian besarnya adalah terdiri dari kesatuan-kesatuan pekerja ladang dan boleh disebutkan bahawa dalam perkembangan organisasi-organisasi kesatuan sekerja selanjutnya, pengasas dan orang-orang yang terlibat dalam pergerakan kesatuan-kesatuan sekerja adalah terdiri dari pekerja-pekerja ladang malah mereka itu mempunyai kedudukan yang penting (Kamaruddin M. Said, 1984).

2.2.2. Eksplotasi Pekerja Ladang Semasa Zaman Penjajah

Apabila dibincangkan tentang aspek pekerjaan, didapati pekerja ladang telah dieksplotasi sepenuhnya oleh pihak penjajah mahupun majikannya demi untuk mengaut keuntungan yang tinggi. Keadaan ini dapat dilihat melalui waktu pekerjaan mereka iaitu mereka terpaksa bekerja lebih daripada enam hari dalam seminggu atau lebih daripada sepuluh jam sehari tanpa rehat. Hukuman berat juga dikenakan terhadap mereka yang membuat sebarang kesilapan atau melanggar undang-undang pihak penjajah. Contohnya, sekiranya pekerja tidak hadir untuk bekerja atau melanggar peraturan, pekerja tersebut akan kehilangan upah sebanyak lima puluh sen sehari. Tetapi perkara yang menyedihkan disini

ialah pekerja pada masa itu tidak menerima upah harian melebihi dua puluh sen sehari pekerja. Selain itu, sekiranya pekerja-pekerja tidak hadir atau mengambil cuti melebihi tujuh hari, pekerja itu boleh dipenjarakan selama empat belas hari dan hukum berat akan diberikan sekiranya perintah pihak atasan tidak diikuti (M.Varatharasu, 1990:20-24).

Buruh-buruh yang membersihkan hutan pula mengalami pelbagai penyakit dan kadar kematian dikalangan mereka adalah tinggi. Mereka ini terpaksa bekerja dalam hutan yang berbahaya dan tebal. Pada tahun 1911, kadar kematian pekerja ladang di negeri-negeri selat 62.9 per seribu orang. Manakala di negeri kurang membangun, kadarnya adalah tinggi dimana 195.6 perseribu di negeri sembilan dan 108.5 perseribu di pahang (M.Varatharasu, 1990:18-20).

Sistem upah yang dijalankan pada zaman penjajah mempunyai unsur diskriminasi dimana pekerja Cina akan mendapat upah yang jatuh lebih tinggi dari India dan Melayu. Begitu juga pekerja lelaki yang akan mendapat upah yang lebih tinggi daripada wanita. Tambahan pula, upah pekerja ladang adalah upah yang hanya cukup bagi keperluan minima bagi pekerja ladang dengan margin tabungan yang sangat rendah. Kadar upah buruh Cina adalah tinggi kerana mereka mempunyai keupayaan menuntut upah yang tinggi. Manakala kadar upah buruh India dikawal oleh India Immigration committee (IIC) (Kohila Yanasekaran, 1998:18).

Upah buruh India dikira berdasarkan satu standard budget bulanan yang disediakan oleh IIC pada tahun 1925. Penetapan upah yang seragam jelas menggambarkan bahawa upah hanya dibayar untuk melahirkan tenaga kerja yang dapat bekerja secara efektif di ladang dan bukan untuk kebijakan ataupun untuk kesenangan hidup pekerja ladang. United Plantation Association of Malaysia (UPAM) yang menentukan upah, berasa senang hati jika

upah yang ditetapkan itu adalah serendah yang mungkin. Pada tahun 1924, perbezaan upah diantara pekerja India dan Cina adalah sangat berbeza dimana kadar tersebut meningkatkan ketidakpuasaan pekerja itu sendiri. Jadual 2.3 Menggambarkan kadar upah pekerja dan kewujudan perbezaan yang nyata dikalangan pekerja itu sendiri. Disamping itu, upah yang diberikan adalah berbeza diantara negeri dan kawasan.

Jadual 2.3

Upah Yang Ditetapkan Oleh UYPAM dan IIC Di Kalangan Buruh Cina Dan India (Sen)

Kadar Upah Pekerja Ladang Untuk Sehari (Sen)		
Tahun	Buruh India	Buruh Cina
1929	50-55	85-90
1930	40-32	50-60
1931	25-30	30-40
1932	20-25	20-25
1934	35-40	50-60
1937	40-45	80-100

Sumber : Ramasamy, 1994:34

Di antara tahun 1925 hingga 1930 berlaku tujuh perundingan diantara IIC dan UPAM bagi menetapkan upah yang setimpal dengan kerja yang dilakukan oleh pekerja ladang. Akan tetapi, UPAM enggan berbuat demikian kerana pihaknya berpendapat sekiranya upah yang tinggi dibayar kepada mereka maka produktiviti buruh akan jatuh kerana buruh yang berpendapat upah yang tinggi akan menjadi malas. Walaupun anggka rasmi menunjukkan pekerja dibayar upah mengikut tahap standard yang minimum tetapi

pada realitinya ia tidak benar dan upah yang sebenarnya dibayar adalah jatuh lebih rendah daripada upah yang standard (Ramasamy,1987:361. Dlm. Kohila Yanasekaran,1998).

Secara kesimpulanya bolehlah dikatakan bahawa kehidupan pekerja ladang pada zaman penjajah adalah sangat rumit dimana mereka terutamanya ladang getah telah dieksplotasi oleh pemodal-pemodal metropolis ataupun penjajah untuk kepentingan mereka. Hal ini menyebabkan pekerja ladang hidup dalam serba kekurangan dan kemiskinan. Jadi bolehlah disimpulkan sekali lagi bahawa kemiskinan dikalangan pekerja ladang telah bermula sejak zaman penjajah lagi.

2.3.Keadaan Pekerja Ladang Selepas Kemerdekaan

Sektor perladangan merupakan sektor ekonomi yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi negara kita. Namun sektor perladangan yang telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara merupakan satu warisan penjajah yang diteruskan sehingga kehari ini di mana struktur pengurusan penjajah berorientasikan eksport dikenalkan.

Pada masa kini, sektor ladang dikategorikan sebagai kawasan persendirian yang membolehkan kapitalis swasta menggunakan kuasa yang sepenuhnya dalam mengurus dan mengawal aktiviti ladang. Ini bermaksud walaupun negara mendapat kemerdekaan tetapi pekerja ladang tidak dapat bebas daripada pengurusan dan pengawalan yang terdapat pada zaman penjajahan. Walaupun taraf hidup rakyat Malaysia secara keseluruhannya telah berubah tetapi keadaan pekerja ladang tidak berubah malah menurun kepada tahap yang lebih rendah.

Bagi pembangunan luar bandar, FELDA dan FELCRA ditubuhkan manakala dalam usaha untuk meningkatkan teknologi penghasilan komuditi, institusi seperti RISDA, PORIM dan PRIM diwujudkan. Agensi-agensi yang ditubuhkan lebih tertumpu kepada pembangunan pekerja kecil dan teknologi bagi memaksimumkan pengeluaran. Dasar kerajaan pada masa itu lebih tertumpu kepada pekebun kecil dan tumpuan keatas sektor perladangan adalah lebih kurang kerana ia merupakan tanah persendirian.

Perkembangan sektor perladangan selepas kemerdekaan adalah pesat dari segi peningkatan produktiviti dan teknologi, namun masyarakat ladang masih mengalami taraf hidup yang rendah akibat upah harian yang rendah. Cara upah ditentukan pada masa kini tidak banyak berbeza dengan zaman penjajahan. Terdapat tiga cara upah ditentukan antaranya adalah seperti berikut: (Kohila Yanasekaran, 1998)

1. Perjanjian kolektif “Malaysian Agriculture Producers Association” (MAPA) dan Kesatuan Sekerja Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW).

Setiap ladang yang berada di bawah MAPA akan menggunakan sistem ini dan sistem terkenal di sektor perladangan pada masa kini. Berasaskan sistem ini upah harian dikira berdasarkan kepada harga pasaran dunia bagi komoditi yang dihasilkan, cuaca dan juga kandungan getah kering dalam susu getah mentah yang dibawa. Pada kebiasaannya, mengikut sistem ini upah yang diterima oleh pekerja bagi setiap tambahan output yang dibawa akan berkurangan. Ini bermaksud pekerja yang membawa output yang rendah tidak menerima upah yang jauh berbeza dengan pekerja yang membawa output yang tinggi. Sistem ini digunakan sejak 1959

melalui perjanjian di antara MAPA dan NUPW. Bagi setiap tiga tahun sistem ini dikaji dan perjanjian baru akan ditandatangani.

2. Sistem Lee

Sistem lee digunakan disemua ladang yang berada di bawah kumpulan Lee plantatiaon. Sistem ini lebih kurang sama dengan sistem perjanjian kolektif MAPA dan NUPW kecuali ia memberikan bonus bulanan dan insentif pengeluaran. Ia juga memberi insentif istimewa kepada pekerja yang selalu hadir bekerja.

3. Sistem Kadar Tetap (Fix Rate)

Sistem ini popular bagi ladang yang luasnya kurang daripada 400 hektar. Upah di bayar kepada pekerja adalah berdasarkan harga getah di pasaran.

Walaupun terdapat tiga cara untuk menentukan upah pekerja ladang akan tetapi mereka masih mendapat upah harian yang minima. Apabila dianalisis keuntungan syarikat perladangan pula didapati keuntungan mereka adalah 50 peratus daripada pendapatan yang mereka perolehi. Jadual 2.4 menggambarkan bahawa peratusan keuntungan syarikat perladangan getah adalah lebih daripada 50 peratus daripada jumlah pendapatan yang diperolehi.

Jadual 2.4

Keuntungan Daripada Satu Kilogram Getah Bagi Pemodal

Perkara	Harga/kg (RM)	Peratus (%)
Jumlah pendapatan	153.00	100
Perbelanjaan pengurusan	8.40	5.5
Kos tetap	6.50	4.2
Kos pengendalian	11.30	7.4
Kos pengumpulan	1.50	1
Upah penoreh	42.10	27.5
Jumlah	83.10	54.4

Sumber : Alaigal, 1997

Peratusan ini hanya merujuk kepada ladang kumpulan saiz 200 hektar. Keuntungan yang lebih tinggi boleh dinikmati daripada ladang-ladang yang lebih luas kerana wujudnya ekonomi bidangan. Walaupun kos pengurusan ladang yang rendah dapat meningkatkan keuntungan syarikat tetapi kadar upah yang dibayar kepada pekerja di sektor perladangan masih rendah.

2.3.1.Kemudahan Asas

Apabila ditinjau dari aspek kemudahan pula, didapati ia tidak mengalami sebarang perubahan atupun berbeza dari zaman penjajahan. Keadaan jelas kelihatan dari segi perumahan pekerja ladang itu sendiri iaitu walaupun berbagai akta telah diluluskan berkenaan standard perumahan di ladang namun rumah pekerja masih jauh di bawah standard tersebut. Kebanyakan rumah pekerja ladang pada amnya hanya mempunyai satu

atau dua bilik yang dikongsi oleh enam orang isi rumah. Walaupun peraturan telah menetapkan bahawa bagi keluarga yang mempunyai lebih daripada lima orang ahli, 40 kaki keluasan harus ditambah bagi setiap tambahan ahli. Akan tetapi ia tidak berlaku dalam keadaan realitinya terutamanya di sektor perladangan.

Tambahan pula, keadaan rumah pekerja ladang adalah lebih teruk apabila rumah yang didiami oleh mereka adalah tua dan berada dalam keadaan yang teruk. Kajian Selvakumaran (1992), terhadap 31 buah ladang mendapati hanya 29 peratus ladang yang mempunyai rumah yang dibina daripada 1980, dan kesemuanya mempunyai dua bilik manakala 45.2 peratusnya satu bilik dan 22.6 peratus lagi tidak mempunyai bilik langsung.

Di samping itu pekerja ladang juga menghadapi masalah semasa mereka bersara iaitu selepas 55 tahun, mereka terpaksa keluar dari ladang dan mencari kediaman baru. Ini adalah sukar bagi mereka kerana kebanyakan dari pekerja ladang ini tidak mampu untuk membeli rumah sendiri. Pendapatan yang rendah yang diperolehi semasa mereka bekerja di ladang tidak membenarkan mereka untuk menabung dan seterusnya membeli rumah. Oleh itu kerajaan telah memperkenalkan skim perumahan untuk mengatasi masalah tersebut. Skim perumahan ini telah diperkenalkan pada Perdana Menteri Malaysia pada masa itu, iaitu Tun Abdul Razak. Namun demikian, sehingga kini hanya 16 buah ladang daripada peratus-ratus buah ladang di Malaysia sahaja yang mengimplimentasi skim ini (Selvakumaran, 1993)

Selain itu, kemudahan asas seperti air, elektrik dan sanitasi yang terhadap disektor perladangan adalah pada tahap yang tidak memuaskan. Didapati bekalan air yang disediakan di ladang adalah diperolehi dari pada kolam sungai dan perigi. Bekalan air yang diberikan mengikut masa yang ditetapkan dan kualiti bekalan air adalah rendah. Ini

menyebabkan masyarakat ladang merana akibat penyakit yang berkaitan dengan air seperti viral hepatitis, gasreointeritis dan kolera (Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan: 1991).

Kemudahan elektrik pula masih ketinggalan di kawasan perladangan walaupun angka rasmi menunjukkan 90 peratus masyarakat luar Bandar memperolehi bekalan elektrik. Di samping itu, bekalan elektrik yang dibekalkan di kebanyakan ladang adalah di antara 8 hingga 10 jam sahaja. Kajian Jabatan Buruh (1991) juga mendapati hanya 36 peratus ladang dibekalkan kemudahan elektrik had masa tertentu sementara 19 peratus ladang langsung tiada bekalan elektrik. Kemudahan bekalan elektrik yang kurang memuaskan ini menimbulkan banyak masalah dan membawa kesan yang buruk terhadap penduduk ladang.

Di dapati persekitaran ladang selepas kemerdekaan tidak banyak mengalami perubahan iaitu persekitaran pada zaman penjajahan masih dikekalkan. Ladang-ladang tersebut masih terletak jauh daripada pekan atau bandar dan hal ini telah menyebabkan masyarakat ladang mempunyai pendedahan yang kurang mengenai dunia luar. Tambahan pula mereka hidup bagaikan satu komuniti yang berada di bawah pengawasan dan pengawalan sama seperti semasa zaman penjajahan (Kohila Yanesekran, 1998).

Dari segi pendidikan pula didapati taraf pendidikan di kalangan pekerja-pekerja di ladang adalah rendah. Iaitu keadaan persekitaran ladang yang tidak memuaskan serta keadaan kemiskinan di kalangan keluarga mereka telah mempengaruhi taraf pendikan anak-anak di ladang. Tambahan pula, sekolah rendah tamil yang disediakan di ladang adalah kategori bantuan modal di mana segala kemudahan yang diperlukan di sekolah disediakan oleh majikan dan bukannya di bawah pengawas dan pengawalan kerajaan

sepenuhnya. Maka, bukan sahaja keadaan persekitaran ladang dan kemiskinan keluarganya mempengaruhi pencapaian pendidikan yang rendah di ladang tetapi kemudahan pendidikan yang tidak memuaskan juga menyumbangkan kepada keadaan ini. Walaupun dalam laporan Razak 1956, telah dikenalpasti bahawa peluang pendidikan yang sama tidak wujud bagi semua warganegara Malaysia tetapi tidak langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini. Taraf pendidikan yang rendah ini berhubung kait dengan kadar keciciran yang berlaku dikalangan pelajar ladang (New Straits Times : 10 hb November 1993).

Selain itu, pencapaian yang rendah di sekolah menyebabkan pelajar-pelajar sekolah menengah dari ladang sukar berbanding dengan para pelajar dari bandar. Mereka tiada pendedahan yang mencukupi dan berasa rendah diri, bodoh dan tidak mempunyai motivasi untuk meneruskan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi.

Keadaan ini membawa kepada kewujudan fenomena buruh kanak-kanak yang tinggi dikalangan masyarakat ladang. Menurut buku Child Labour In Malaysia (Jomo, 1992:146) pada tahun 1980, sebanyak 43000 kanak-kanak antara 10 hingga 14 tahun sedang bekerja di Malaysia. Daripada jumlah ini 10,214 kanak-kanak berasal daripada ladang getah. Kajian ini juga menunjukkan 92 peratus isirumah ladang getah dan 98 peratus isirumah kelapa sawit mempunyai sekurang-kurangnya seorang kanak-kanak yang berumur kurang 15 tahun yang bekerja. Kajian ini menyimpulkan bahawa terdapat 3 faktor utama yang menyebabkan kanak-kanak ladang menjadi buruh kanak-kanak, iaitu situasi ekonomi keluarga, keadaan sosio-ekonomi ladang dan faktor institusi yang kurang memberikan sokongan dan perlindungan terhadap mereka.

Kemudahan kesihatan di ladang juga begitu berbeza dengan keadaan pada zaman penjajahan. Perkhidmatan kesihatan ladang masih kekal di bawah tanggungjawab pihak

pengurusan. Hanya tiga ladang di Malaysia yang mempunyai kemudahan hospital dan 67.7 peratus daripada ladang mempunyai klinik. Didapati pula, kebanyakannya di ladang di Malaysia tidak mempunyai doktor dan tugas ini dijalankan oleh pembantu hospital dan kebiasannya merupakan pembantu latihan. Kajian jabatan buruh (1991) mendapati bahawa bagi 300,000 pekerja ladang dan keluarga mereka hanya mempunyai 3 orang doktor dan 700 orang pembantu perubatan disediakan oleh pihak majikan. Pihak pengurus juga tidak menyediakan sebarang kemudahan pengangkuatan sekiranya pekerja hendak ke hospital kerajaan atau klinik swasta sekiranya penyakit mereka serius walaupun dalam masa kecemasan.

2.4. Kesatuan Sekerja Dan Pergerakkan Buruh Semasa Dan Selepas Kemerdekaan.

Kesatuan Sekerja telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dalam sektor perladangan. Pada peringkat awal 1890an, pergerakkan buruh lebih tertumpu dikalangan masyarakat Cina dan penglibatan buruh India pula adalah pada tahap yang rendah dimana pada masa itu mereka mengalami kadar eksplotasi yang tinggi sehingga menyebabkan pemikiran kearah pergerakkan militan sukar mengambil tempat. Namun pada tahun 1930an, gerakan nasionalisme yang berlaku di Cina, India, dan Indonesia telah mendorong gerakan buruh di Malaysia dan ia telah membawa kepada penubuhan Central Association of Malaya yang merupakan pertumbuhan pertama yang menuntut soal upah yang rendah dan diskriminasi yang dilakukan ke atas pekerja ladang.

Pergerakan buruh yang menjadi kuat menjelang tahun 1930an telah membawa kepada perlancaran beberapa mogok di Malaya. Perasaan dan pemikiran pekerja pada masa ini telah berubah di mana mereka sangat kesal dengan sikap British yang hanya menumpukan perhatian dalam memaksimumkan pengeluaran untuk bekalan bahan

peperangan dan peningkatan hasil pendapatan. Berikutan dengan itu berlaku pengurangan pergerakan buruh pada tahun 1939 dan berlaku diskriminasi upah yang tinggi. Disamping itu, pada tahun 1948 telah berlaku satu mogok besar yang diadakan oleh kesatuan buruh Lembah Klang dibawah pemimpinan R.H.Nathan yang melibatkan lebih daripada 20,000 pekerja ladang telah membuat tuntutan-tuntutan seperti kesamaan upah, kemudahan pendidikan dan kesihatan, kebebasan bergerak, penutupan kedai todi dan membenarkan penubuhan-penubuhan kesatuan sekerja. Walau bagaimanapun UPAM tidak menunaikan tuntutan-tuntutan ini malah mereka telah membubarkan kesatuan sekerja India daerah Kelang. Disamping itu, R.H.Nathan telah ditangkap dan selepas itu walaupun mogok menjadi liar tetap polis telah campur tangan dan mengawal keadaan sehingga darurat diisyiharkan.

Menjelang tahun 1945 terdapat satu kebangkitan kesatuan sekerja yang militan dan agresif iaitu General Labour Union (GLU). Oleh itu, ramai pekerja menjadi ahli GLU kerana ia memberi perlindungan dan mempunyai kepimpinan yang baik. Pertubuhan GLU telah bergerak mengikut empat tahap iaitu pada tahap pertama ia mewujudkan kumpulan kecil di ladang dan pada tahap kedua pula, ia melibatkan akan kewujudan kesatuan sekerja pada peringkat negeri. Sementara itu, pada tahap ketiga pula adalah kesatuan sekerja ladang pada peringkat negeri dan akhirnya pula, kesatuan kebangsaan yang merangkumi semua kaum, pekerjaan dan industri. Pergerakan buruh yang lebih sistematik telah menyebabkan wujudnya pelbagai mogok dalam masa tersebut iaitu diantara bulan Jun dan Disember pada tahun 1946 didapati bahawa sebanyak 83 mogok telah dilancarkan.

Walaupun berlaku berbagai mogok dan pemberhentian kerja di kalangan pekerja namun pihak penjajah tetap tidak mahu menunaikan tuntutan-tuntutan pekerja ladang ini.

Mereka masih mengamalkan sistem yang sama disektor perladangan, dan mereka juga mendapati bahawa pihak pekerja perlu berada dibawah satu kesatuan.

Sebelum tahun 1950an berlaku berbagai desakan dan tuntutan daripada kesatuan sekerja di kebanyakan negeri di Malaya seperti GLU, Malayan Estate Employees Union (MEEU), Perak Estate Employees Union (PEEU), Negeri Sempilan Indian Labour Union (NSILU), Batu Pahat Rubber Works Union (BPRWU) dan lain-lain kesatuan. Menjelang tahun 1950, wakil British, Brazier telah ditugaskan untuk mengawal pergerakan buruh dan kesatuan sekerja yang berhaluan kiri. Akhirnya pihak British dapat mengurangkan buruh melalui pembentukan suatu kesatuan sekerja yang sederhana dan lebih berpihak kepada pihak majikan. Melalui sokongan yang kuat daripada P.P.Narayanan yang memimpin NSILU dan lain-lain pemimpin kesatuan sekerja telah memudahkan pihak British untuk membentuk kesatuan kerja yang sederhana. Pada tahun 1954, dengan sokongan yang diberikan oleh ke semua kesatuan sekerja di Malaya, maka Kesatuan Sekerja Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) telah ditubuhkan. Namun ahli-ahli ataupun pegawai-pegawai yang bekerja di NUPW bukanlah merupakan pekerja ladang.

Kini didapati bahawa NUPW telah mempunyai bilangan ahli yang ramai di antara kesatuan sekerja yang wujud di Malaysia dan memperolehi lebih kurang RM6 juta setahun melalui kutipan yuran daripada pekerja ladang. Menurut akbar The Sun pada 28 hb April 1989, didapati 63 peratus daripada kutipan ahli di belanjakan untuk gaji eksekutif dalam NUPW dan membiayai lawatan mereka ke luar negeri. Walaupun setelah 53 tahun NUPW ditubuhkan namun ia tidak berjaya untuk mengubah taraf kehidupan masyarakat ladang yang dibelenggui kemiskinan sejak zaman penjajahan lagi. Tambahan pula, di dapati sejak tahun 1990an hingga kini telah berlaku pelbagai mogok dan memorendam dilancarkan oleh pekerja ladang untuk mengubah nasib dan kemiskinan yang dialami oleh mereka. Di

samping itu, pada tahun 1999 di dapati seramai 2000 pekerja ladang telah melangkah ke Parlimen untuk menuntut gaji bulanan yang minima (Harakah 23 hb April 1999). Didapati kebanyakannya mogok dan memonderum yang dilancarkan oleh mereka adalah berkaitan dengan isu perumahan dan gaji bulanan kepada pekerja di sektor perladangan.

Secara keseluruhannya di dapati bahawa walaupun negera kita telah sekian lama merdeka, namun pergerakan buruh di Malaysia masih bergerak dengan pesat untuk memenuhi kebijakan dan tuntutan masyarakat ladang bagi mengatasi masalah kemiskinan yang dialaminya sejak tiga generasi mereka.

2.5.Rumusan

Sebagai kesimpulannya, ingin ditegaskan di sini bahawa keadaan pekerja ladang pada zaman penjajahan dan pada masa kini, tidak jauh berbeza iaitu didapati kehidupan mereka masih dibelenggui oleh kemiskinan. Walaupun pemodal penjajah tiada lagi, akan tetapi tempat mereka telah diambil oleh kapitalis tempatan yang mengeksplotasi pekerja ladang untuk mendapat keuntungan yang maksimum.

Apabila di kaji tentang peranan NUPW dan kerajaan dalam mengatasi masalah kemiskinan ladang pula didapati bahawa tahap pencapaian dan penglibatan mereka masih dalam tahap yang rendah. Jadi bolehlah dikatakan di sini bahawa kehidupan mereka sejak dari zaman penjajah hingga kini tidak mengalami sebarang perubahan, dengan kata lain kemiskinan yang dialami oleh mereka pada masa kini adalah kemiskinan yang dilanjutan sejak zaman penjajahan lagi.